

# Mahathir minta rakyat Kelantan bersabar

KOTA BHARU, Khamis —  
Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan rakyat Kelantan bersabar, terutama pada bulan puasa, kerana mengalami pelbagai masalah akibat kekalahan teruk Barisan Nasional di Kelantan pada pilihanraya umum lalu.

Perdana Menteri berkata sebagai orang Islam, mereka harus bersabar dan mengambilnya sebagai iktibar terhadap kekalahan dan apa yang sedang berlaku di negeri ini sekarang.

Bagaimanapun, masalah yang dihadapi itu amat kecil berbanding yang dihadapi umat Islam negara-negara lain seperti Kuwait, Iraq dan Palestin, katanya selepas upacara sembahyang hajat di Bangunan UMNO, di sini.

Katanya, mereka perlu berbuat demikian kerana tidak dapat menerima cara pemerintahan kerajaan yang ada di negeri ini sekarang, dan beliau menambah rakyat sekarang sudah sedar dan ada yang sehingga sanggup 'nak pilih yang lain'.

Beliau berkata akibat tindakan kerajaan negeri juga ada pula sesetengah daripada Parti Semangat 46 keluar daripada gabungan parti yang memerintah negeri ini sekarang.

Katanya: "Anggota Semangat yang hendak keluar eloklah keluar dan manakala yang tidak mahu keluar boleh menyertai PAS kerana dengan berbuat demikian kita dapat mengenal pasti siapa mereka yang sebenar".

Mengenai lawatan rasminya ke Kelantan, Perdana Menteri berkata mungkin belum tiba waktu yang sesuai lagi.

Menurutnya, setakat ini beliau belum menolak pelawaan yang kerajaan negeri itu. — Bernama